

**Empat kunci utama penentu kejayaan wanita**  
**Utusan Online**  
**18 Julai, 2012**

KUALA LUMPUR 17 Julai - Tan Sri Muhyiddin Yassin menggesa kaum wanita di negara ini melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan dalam pelbagai bidang khususnya perniagaan, komunikasi dan teknologi di samping bersedia menghadapi cabaran baru.

Untuk itu, Timbalan Perdana Menteri, menggariskan empat kriteria utama bagi 'memandu' wanita mengatasi halangan serta berjaya dalam bidang yang diceburi.

"Pertamanya, wanita perlu bersedia mendepani cabaran-cabaran baru selain membina keupayaan untuk bersaing serta berada selangkah di depan pada setiap masa. Kriteria kedua, memupuk sikap positif dan yakin dengan keupayaan diri untuk atasi apa jua halangan.

"Dengan memiliki sikap positif, wanita akan mampu meneroka peluang-peluang baru dan menjadi perintis dalam bidang masing-masing. Ketiganya, untuk berjaya sebagai perintis, wanita perlu memiliki sesuatu yang istimewa untuk ditawarkan yang memberikan manfaat sebenar," katanya ketika berucap merasmikan Sidang Kemuncak Wanita Ke-10 anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, kriteria terakhir ialah mewujudkan peluang-peluang yang membolehkan wanita mencapai kecemerlangan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: [http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam\\_Negeri/20120718/dn\\_12/Empat-kunci-utama-penentu-kejayaan-wanita](http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120718/dn_12/Empat-kunci-utama-penentu-kejayaan-wanita)